

Headline	Angkasa dirikan ladang penjanaan tenaga suria pertama di kedah		
MediaTitle	Kosmo	Language	Malay
Date	15 Nov 2016	Readership	875,000
Circulation	197,202	Page No	51
Section	Niaga	Journalist	N/A
ArticleSize	197 cm ²		
PR Value	RM 15,336		



Angkasa dirikan ladang penjanaan tenaga suria pertama di kedah

PETALING JAYA – Angkasa Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) akan mendirikan ladang penjanaan tenaga suria yang pertama di Kedah untuk aktiviti ekonomi dan pertanian.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pembinaan di ladang Sungai Tiang di daerah Pendang itu akan bermula bulan depan dan Angkasa berharap ia akan memulakan operasi sebagai loji tenaga suria pada Mac depan.

Menurutnya, Angkasa merupakan koperasi pertama mendirikan ladang tenaga suria satu megawatt dan rumah kaca di negeri tersebut.

“Projek itu melibatkan penjanaan elektrik untuk dijual dan aktiviti pert-



NOR AZAM (kiri) bersalaman Kamarudin (kanan) sambil diperhatikan oleh Fattah (dua dari kanan) di Petaling Jaya semalam.

nian di bawah bumbung tenaga suria, setinggi tiga meter di kawasan seluas 1.4 hektar di Sungai Tiang.

“Projek itu akan ditawarkan kepada anak

syarikat Angkasa iaitu MyAngkasa Services Sdn Bhd (MSSB),” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas perjanjian

kontrak ditandatangani antara MSSB dan Smart SL Technology Sdn. Bhd. dan rakan kongsi, Linuo Power dari China di sini semalam.

Perjanjian Pembelian Tenaga dan Kuasa Tenaga Boleh Diperbaharui juga ditandatangani antara MSSB dan Tenaga Nasional Bhd.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Smart SL, Nor Azam Kamisan dan Pengurus MSSB, Datuk Kamarudin Ismail.

Ladang penjanaan kuasa suria bernilai RM9.7 juta itu dijangka menjana pendapatan kasar minimum sebanyak RM100,000 sebulan atau RM25 juta sepanjang tempoh kontrak pembelian tenaga dengan TNB dalam tempoh 21 tahun.